



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 19 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PKP 2.0: SEKTOR AGROMAKANAN TIDAK TERJEJAS - RONALD, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	MAQIS RAMPAS SERBUK TELUR KUNING 100KG, NEGARA, KOSMO -18 CUBAAN SELUDUP SARANG BURUNG, NEGERI JOHOR, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN LANCAR TEKNOLOGI MARDI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MARDI LANCAR PRODUK INOVASI BANTU TINGKAT PENGELUARAN PISANG, CILI, UTUSAN BORNEO -ONLINE MARDI HASILKAN PAKEJ TEKNOLOGI UNTUK KAWALAN PENYAKIT DARAH PISANG, CETUSAN, SH -17 MARDI LANCAR 3 INOVASI PERTINGKAT HASIL PERTANIAN, NASIONAL, BH -15 MYPADIMANAGER URUS TANAMAN PADI LEBIH CEKAP, INOVASI GAYA, UM -27 MARDI LAUNCHES NEW TECHNOLOGIES FOR BETTER BANANA, CHILLI PRODUCTION, NEWS, THE MALAYSIAN RESERVE -5 2 PESTICIDES TECHNOLOGY TO BE COMMERCIALISE, NATION, SIN CHEW DAILY -12	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11. 12.	MASA DEPAN KILANG KEROPOK KELAM, DALAM NEGERI, UM -6 NELAYAN TUNTUT KERAJAAN TANGGUH PLKS, DALAM NEGERI, UM -6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

PKP 2.0: Sektor agromakanan tidak terjejas – Ronald



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang bercakap pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Teknologi MARDI - ISR Pisang, Biopestisid Alternatif Mesra Alam Trichoshield dan Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Putrajaya. Foto HAZROL ZAINAL, 18 FEBRUARI 2021

PUTRAJAYA – Malaysia tidak berdepan masalah dalam pengeluaran sektor produk agromakanan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali kedua sejak bulan lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiang berkata, ini kerana sehingga kini, pihaknya tidak menerima sebarang maklumat yang menyebut sektor itu mengalami masalah sepanjang PKP dilaksanakan.

Malah jelas beliau, pengeluaran produk sektor agromakanan yang diimport juga tidak terganggu dengan PKP 2.0.

"Buat masa ini, kementerian tidak menerima maklumat pengeluaran produk agro makanan telah terjejas atau mengalami kekurangan.

"Malah sektor itu sama ada tempatan atau import juga tidak terganggu sepanjang PKP ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan tiga produk inovasi baharu iaitu Pakej Teknologi Untuk Kawalan Penyakit Darah Pisang (ISR), TrichoSHIELD dan Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik di Wisma Tani di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas sama pengeluaran di sektor pertanian dan industri makanan terjejas sepanjang PKP yang dilaksanakan sejak 13 Januari lalu. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2021	KOSMO	NEGARA	18

Maqis rampas serbuk telur kuning 100kg

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan membawa masuk produk telur seberat 100 kilogram (kg) bernilai RM3,386 di laluan kargo import Maqis Bangunan Sultan Iskandar di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A. Rahman berkata, rampasan produk serbuk telur kuning (*egg yolk powder*) yang dipercayai dari Denmark itu dibuat pada pukul 8.30 malam hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan.

"Kesemua barang dagangan

tersebut yang dianggarkan bernilai RM3,386 dirampas kerana tidak mematuhi syarat import iaitu gagal mengemukakan sijil kesihatan dari negara asal sebagaimana yang dinyatakan dalam permit, lesen atau perakuan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Nur Afifah berkata, Maqis mengambil keterangan pemandu berusia 28 tahun itu berhubung rampasan terbabit sebelum dilepaskan.

Kes disiasat di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



BUNGKUSAN mengandungi serbuk telur kuning yang dirampas di laluan kargo import Maqis di Johor Bahru kelmarin.

Cubaan seludup sarang burung

Diletak dalam dua kotak dianggarkan RM13,200

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

JOHOR BAHRU

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor mengagalkan cubaan membawa keluar sarang burung walit tanpa permit eksport yang sah ke Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Iskandar Puteri dekat sini pada Selasa.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, sarang burung itu ditemukan semasa pemeriksaan dalam sebuah lori di laluan kenderaan perdagangan pada jam 8.30 malam.

"Hasil pemeriksaan Pegawai Penguat Kuasa Maqis menemui sarang burung walit yang diletakkan dalam

dua kotak dianggarkan berharga RM13,200. Sarang burung walit ini ditahan untuk tindakan lanjut sehingga siasatan selesai.

"Pihak Maqis turut menyoal siasat dan mengambil keterangan pemandu yang berusia 35 tahun itu sebelum dilepaskan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Katanya, perbuatan mengeksport dengan memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan semasa pemeriksaan adalah suatu kesalahan di bawah seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut seksyen sama.

Jika sabit kesalahan katanya, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam satu kes berlainan, beliau berkata, Maqis Johor turut mematahkan cubaan membawa masuk 100 kilogram produk telur iaitu 'egg yolk powder' di laluan kargo import di Bangunan Sultan Iskandar di sini pada hari sama.

"Hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan Pegawai Maqis mendapati, produk tersebut dipercayai datang dari Denmark melalui Singapura.

"Kesemua barang dagangan tersebut yang dianggarkan bernilai RM3,386 ditahan untuk tindakan lanjut kerana tidak mematuhi syarat import iaitu gagal mengemukakan sijil kesihatan dari negara asal sebagaimana dinyatakan dalam permit, lesen atau perakuan," katanya.

Pemandu lori berusia 28 tahun itu katanya, disoal siasat dan dilepaskan selepas keterangan diambil.

Menurutnya, kes disiasat di bawah seksyen 15 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana tidak mematuhi syarat import, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, Nur Afifah memberitahu, boleh didenda tidak lebih RM150,000 atau penjara tidak lebih tujuh tahun atau kedua-duanya.



Maqis Johor mengagalkan cubaan membawa keluar sarang burung walit tanpa permit eksport ke Singapura di KSAB, Iskandar Puteri pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Lancar Teknologi MARDI



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee mendengar penerangan daripada Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd Noor ketika melawat ruang pameran pada Majlis Pelancaran Teknologi MARDI - ISR Pisang, Biopestisid Alternatif Mesra Alam Trichoshield dan Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Putrajaya.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee diiringi Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd Noor (kiri) menurunkan tandatangan sebagai gimik Pelancaran Teknologi MARDI - ISR Pisang, Biopestisid Alternatif Mesra Alam Trichoshield dan Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee bergambar kenangan dengan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd Noor (tiga kiri) serta yang lain pada Majlis Pelancaran Teknologi MARDI – ISR Pisang, Biopestisid Alternatif Mesra Alam Trichoshield dan Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Putrajaya.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee bersama Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd Noor melihat cili ketika melawat ruang pameran pada Majlis Pelancaran Teknologi MARDI – ISR Pisang, Biopestisid Alternatif Mesra Alam Trichoshield dan Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Putrajaya.



Penjana Teknologi MARDI, Dr. Ganisan Krishnen dan Nur Liyana Iskandar menunjukkan produk Teknologi MARDI – ISR Pisang, Biopestisid Alternatif Mesra Alam Trichoshield dan Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik pada majlis perasmian produk tersebut di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Putrajaya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MARDI lancar produk inovasi bantu tingkat pengeluaran pisang, cili



SIMBOLIK: Dr Ronald Kiandee (tiga kanan) bersama Nur Liyana (kanan) dan Dr Ganisan (kiri) semasa majlis pelancaran tiga produk inovasi hasil penyelidikan institut Pakej Teknologi Untuk Kawalan Penyakit Darah Pisang menggunakan Teknologi Kerintangan Sistemik Teraruh (ISR), TrichoSHIELD dan Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili secara Organik di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di Putrajaya semalam. Turut hadir Haslina (dua kanan), dan Dr Mohamad Roff (tiga kiri). — Gambar Bernama

PUTRAJAYA: Tiga produk inovasi hasil penyelidikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi membantu meningkatkan pengeluaran hasil tanaman pisang dan cili tempatan akan dikomersialkan kepada para petani dalam masa enam bulan akan datang.

Tiga produk tersebut ialah 'Pakej Teknologi Untuk Kawalan Penyakit Darah Pisang (Teknologi Kerintangan Sistemik Teraruh, ISR)', 'TrichoSHIELD', dan 'Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik' yang dilancarkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, di sini semalam.

Kiandee berkata, industri pisang negara terancam dengan kehadiran sejenis penyakit pada 2007 yang dinamakan penyakit darah pisang atau penyakit layu bakteria daripada bakteria perosak *Ralstonia solanaceae* subsp. *Celebesensis*, yang mana penyakit itu digazetkan sebagai penyakit berbahaya mengikut Akta Kuarantin Tumbuhan 1976.

"Ini telah menyebabkan industri pisang negara lumpuh dengan kehilangan hasil hingga 65 peratus. Secara tidak langsung, ini telah meningkatkan nilai import daripada RM0.3 juta pada 2007 kepada RM180 juta pada 2018," katanya kepada media selepas pelancaran inovasi itu.

Beliau berkata, teknologi ISR berjaya meningkatkan kerintangan pokok terhadap makhluk perosak dan uji cuba di ladang menunjukkan inovasi itu berjaya mengawal penyakit hingga 92 peratus.

Menurut Kiandee, TrichoSHIELD pula merupakan teknologi biofungisid hasil kajian MARDI yang berpotensi untuk kawalan penyakit antraknos pada tanaman cili.

"TrichoSHIELD adalah biofungisid berasaskan *Trichoderma* strain tempatan khusus untuk kawalan penyakit antraknos pada tanaman cili organik dan konvensional yang diformulasi dalam bentuk serbuk talkum.

"Teknologi ini diaplikasi secara semburan foliar yang dapat mengurangkan jangkitan penyakit antraknos di ladang hingga 88 peratus dan membantu meningkatkan hasil cili hingga 54 peratus," katanya.

Beliau berkata teknologi yang dihasilkan MARDI itu bukan sahaja mesra alam, tetapi turut meningkatkan keselamatan dan kualiti produk pertanian serta agromakanan untuk kesejahteraan rakyat.

Mengenai Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik, Kiandee berkata, buku itu akan menjadi rujukan utama dalam mengeluarkan cili secara organik, meliputi kaedah-kaedah daripada pengurusan pengeluaran anak benih hingga ke pengendalian lepas tuai. — Bernama

MARDI hasilkan pakej teknologi untuk kawalan penyakit darah pisang

PUTRAJAYA - Mereka yang terlibat dalam industri penanaman pisang boleh menarik nafas lega apabila Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjaya menghasilkan pakej teknologi untuk kawalan penyakit darah pisang menggunakan Teknologi Kerintangan Sistem Teraruh (ISR).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, pisang adalah tanaman popular di Malaysia dengan keluasan bertanam sehingga 30,684 ha dan menjana 345,850 metrik hasil.

"Bagaimanapun, industri pisang negara terancam melalui sejenis penyakit baharu pada tahun 2007 yang dinamakan darah pisang atau penyakit layu bakteria yang berpunca daripada bakteria perosak *Ralstonia solanaceae* subsp. *Celebensis*," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan tiga produk inovasi MARDI iaitu TrichoShield dan buku manual teknologi cili secara organik serta ISR di kementeri-

Industri pisang negara terancam melalui sejenis penyakit baharu pada tahun 2007 yang dinamakan darah pisang atau penyakit layu bakteria."

riannya di sini pada Khamis. Beliau berkata, ISR dapat meningkatkan kerintangan pokok terhadap makhluk perosak.

"Kerintangan ini boleh diarah dengan mengokulasi inokulan ISR pada pangkal pokok. Teknik kawalan ini telah diuji cuba di ladang dan berjaya mengawal penyakit sehingga 92 peratus.

"La teknologi hijau yang mesra alam dan sesuai digunakan untuk pengeluaran pisang secara konvensional dan organik," katanya.



Ronald (tengah) pada pelancaran tiga produk inovasi MARDI di Putrajaya pada Khamis.

Mengulas mengenai TrichoShield, Ronald berkata, ia merupakan biofungisid berasaskan Trichoderma strain tempatan khusus untuk kawalan penyakit antraknos pada tanaman cili organik dan konvensional yang diformulasi dalam bentuk *tailc powder*.

"Teknologi ini diaplikasikan secara semburan foliar

yang dapat mengurangkan jangkitan penyakit antraknos di ladang sehingga 88 peratus dan membantu meningkatkan hasil cili sehingga 54 peratus," katanya.

Menurutnya, kedua-dua teknologi yang dihasilkan oleh pakar di MARDI bukan sahaja mesra alam, malah menjamin keselamatan dan kualiti produk

pertanian serta agro makanan unik kesejahteraan rakyat.

Ditanya mengenai pasaran inovasi tersebut, beliau berkata, teknologi itu akan dikomersialkan dalam tempoh enam bulan akan datang.

"Kajian ini mengambil masa sehingga lima tahun dan enam bulan lagi MARDI akan komersialkan," katanya.



Klandee (tengah) menunjukkan produk inovasi yang dilancarkan di Wisma Tani Putrajaya, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir /Bf1)

MARDI lancar 3 inovasi peringkat hasil pertanian

Produk tingkat kerintangan pokok dikomersial 6 bulan lagi

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melancarkan tiga inovasi bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara, yang akan dikomersialkan dalam tempoh enam bulan lagi.

Inovasi berkenaan ialah Pakej Teknologi Untuk Kawalan Penyakit Darah Pisang, TrichoSHIELD dan Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata ia adalah hasil penyelidikan MARDI selama lima tahun dan akan dikomersialkan selepas pendedahan diberi kepada petani serta pembekal.

"Hasil inovasi itu dapat meningkatkan kerintangan tanaman terhadap patogen dan mengawal jangkitan antraknos, selain mesra alam serta selamat terhadap produk makanan," katanya pada sidang media selepas melancarkan tiga produk inovasi terbabit, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor dan Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian, Datuk Haslina Abd Hamid.

Klandee berkata, industri pisang negara diancam penyakit darah pisang atau penyakit layu bakteria daripada bakteria perosak *Ralstonia solanaceae* subsp *Celebesensis* pada 2007.

Penyakit diwartakan sebagai berbahaya mengikut Akta Kuarentin Tumbuhan 1976 itu menyebabkan industri pisang negara lumpuh dengan kehilangan hasil hingga 65 peratus, sekali gus meningkatkan nilai import daripada RM0.3 juta pada 2007 kepada RM180 juta pada 2018.

Justeru, bagi menangani penyakit darah pisang, katanya,

Hasil inovasi itu dapat meningkatkan kerintangan tanaman terhadap patogen dan mengawal jangkitan antraknos, selain mesra alam serta selamat terhadap produk makanan.

Dr Ronald Klandee,
Menteri Pertanian
dan Industri Makanan

MARDI menghasilkan Teknologi Kerintangan Sistemik Teraruh (ISR) bagi meningkatkan kerintangan pokok terhadap makhluk perosak.

Beliau berkata, kerintangan itu boleh diaruh dengan meng-inokulasi inokulan ISR pada pangkal pokok dan teknik kawalan berkenaan sudah diuji cuba di ladang (hotspot) serta berjaya mengawal penyakit hingga 92 peratus.

"TrichoSHIELD pula adalah teknologi biofungisid yang berpotensi untuk kawalan penyakit antraknos pada tanaman cili.

"TrichoSHIELD adalah biofungisid berasaskan *Trichoderma* strain tempatan khusus untuk kawalan penyakit antraknos pada tanaman cili organik dan konvensional yang diformulasi dalam bentuk serbuk talkum.

"Teknologi ini diaplikasi secara semburan foliar yang dapat mengurangkan jangkitan penyakit antraknos di ladang, dengan keberkesanan hingga 88 peratus yang dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran cili hingga 54 peratus," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua teknologi itu bukan sahaja mesra alam, malah dapat meningkatkan keselamatan dan kualiti produk pertanian serta agromakanan negara.

Bagi Buku Manual Teknologi Pengeluaran Cili Secara Organik pula, katanya, ia berpotensi dijadikan rujukan utama bagi pengeluaran cili secara organik.



MyPadiManager urus tanaman padi lebih cekap

Oleh **INTAN SUHANA
CHE OMAR**
intan.suhana@mediamula.com.my

KEMAJUAN teknologi terus dimanfaatkan dalam penambahbaikan sistem pertanian di negara ini. Terbaharu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan aplikasi *MyPadiManager* sebagai inisiatif meningkatkan kecekapan dalam sektor penanaman padi.

Aplikasi mudah alih ini dibangunkan bagi membantu petani menguruskan tanaman padi dengan memberi peringatan serta menyenaraikan jadual aktiviti setiap penanaman padi.

Oleh itu, ia berfungsi untuk meningkatkan kadar pematuan aktiviti penanaman padi mengikut amalan terbaik bagi setiap varieti yang ditanam.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, aplikasi ini dapat menyemak aktiviti yang perlu dilaksanakan dengan lebih pantas dan tepat.

PRESTASI

Selain itu, turut memberikan gambaran prestasi hasil penanaman padi yang telah dilaksanakan.

"Ini dapat membantu petani dalam menetapkan sasaran bagi musim penanaman yang



Aplikasi mudah alih ini dibangunkan untuk membantu petani menguruskan tanaman padi dengan memberi peringatan serta menyenaraikan jadual aktiviti setiap penanaman padi."

akan datang dan menguruskan maklumat penanaman bagi setiap sawah dengan lebih sistematis.

"Dengan ini saya menyeru kepada pesawah agar menggunakan aplikasi yang dibangunkan oleh MARDI ini," katanya ketika merasmikan Persidangan Pertanian Digital Kebangsaan (DigAc) 2020 di MARDI di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk

**DIGITAL
AGRICULTURE
CONFERENCE 2020**



DR. Ronald Kiandee (tengah) melancarkan aplikasi MARDI *MyPadi Manager* dalam sidang akhbar khas mengenai pencapaian Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) *Malaysia Commercialization Year 2020* di ibu pejabat MARDI, baru-baru ini. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Dr. Mohamad Roff Mohd. Noor.

Ketika ini kira-kira 200 petani memanfaatkan aplikasi mudah alih *MyPadiManager* bagi menguruskan penanaman padi mereka secara efisien.

Aplikasi berkenaan dapat dimuat turun melalui *Appstore* dan *Google Playstore*.

**PERGANTUNGAN
KEPADA INOVASI**
Dijangka 70 peratus pengeluaran makanan sangat

bergantung kepada inovasi teknologi lebih moden.

Sistem pertanian pintar akan membolehkan kawalan penuh terhadap persekitaran tanaman yang lebih kondusif, sekali gus menggalakkan pertumbuhan tanaman yang lebih berkualiti.

Ia juga membolehkan persekitaran dikawal secara automatik daripada aspek suhu, cahaya, kelembapan, kepekatan karbon dioksida dan nutrien.

Persekitaran terkawal dapat memastikan pengeluaran berterusan sepanjang tahun

dan tidak terkesan dengan ketidakstabilan persekitaran.

Ditambah pula dengan keadaan semasa yang dibelenggu pandemik COVID-19, merupakan masa yang sesuai untuk meriormakan pertanian digital.

"Sebelum ini, penggunaan platform digital dalam pemasaran hasil pertanian tidak dipandang secara serius.

Kesan daripada wabak ini telah menjadi pemangkin dalam penggunaan platform digital dalam setiap rangkaian pemasaran," tambah Ronald.

Headline	Mardi launches new technologies for better banana, chilli production		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	19 Feb 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	12,000
Page No	5	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	219 cm ²
Journalist	by SHAHEERA AZNAM SHAH	AdValue	RM 2,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,899



Mardi launches new technologies for better banana, chilli production

by SHAHEERA AZNAM SHAH

THE Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) has developed the Induced Systemic Resistance (ISR) and TrichoSHIELD technologies to improve the volume of local banana and chilli production, and cultivation.

The ISR addresses the banana blood disease and increases trees' resistance to pests, while TrichoSHIELD, which is a bio-fungicide, has the capability to control the anthracnose fungal disease in chilli crops.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said these technologies will be commercialised through third parties in the next six months.

"Banana is a popular fruit crop in Malaysia with an area of up to 30,684ha and generating 345,850 metric yields.

"However, the country's banana

industry was threatened by a disease in 2007 called the banana blood disease or the bacterial wilt disease," he said at the launch of the ISR and TrichoSHIELD in Putrajaya yesterday.

Ronald said the disease, which has been gazetted as a dangerous disease under the Plant Quarantine Act 1976, has paralysed the country's banana cultivation with up to 65% yield lost and increased the volume of imported fruit.

Between 2007 and 2018, the volume of imported bananas surged from RM300,000 to RM180 million due to insufficient domestic supply.

"This resistance can be induced by inoculating the ISR at the base of the trees.

"The disease-controlled technique has been tested on hotspots in farms and has successfully reduced the infected banana trees up to 92%," Ronald said.

Meanwhile, TrichoSHIELD is a local Trichoderma-based bio-

fungicide specifically developed for the control of anthrac disease in organic and conventional chilli plants formulated in the form of talc powder.

"This technology is applied by the foliar spray which can reduce the transmission of anthracnose disease in the field up to 88% and help increase the yield by 54%.

"Both products are not only environmentally friendly but could improve the safety and quality of agricultural and agro-food products," said Ronald.

He added that the self-sufficiency level for chilli currently stands at 40%, while the new development in agricultural cultivation is hoped to increase the dependency on local production.

The average domestic demand for chillies stood at 55,420 tonnes a year in 2018, while the domestic production was only at 24,428 tonnes, resulting in local suppliers seeking external sources for more than 30,000 tonnes.

Headline	2 pesticides technology to be commercialise		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	19 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	12	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	190 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,723
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,169



罗纳建迪 (中) 参观大马农业研究与发展局成功研发的有机农药技术，展示丰收的红辣椒，右为莫哈末罗夫。

農業部克服香蕉辣椒病害 2農藥技術擬商業化

【布城18日讯】农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，农业部计划在6个月内将大马农业研究与发展局 (MARDI) 最新研发的两种有机农药技术商业化，以便可以早日推出市场。

他说，这两种适用于有机农业的防虫农业技术 TrichoSHIELD 和“诱导系统抗性技术” (Induced Systemic Resistance)，皆属于一种生物杀菌剂 (Biofungicide)，主要适用于国内的香蕉和辣椒种植业。

提升香蕉辣椒产量

“我们都知道，香蕉是国内重要的水果农产品之一，但前一阵子受到严重的虫害侵袭，导致只能生产约40%的产

量供内需，其他的需求依然还是要从国外进口。”

罗纳建迪今日在部门为大马农业研究与发展局研发的两款防虫农业技术主持推介后，在新闻发布会上指出，我国种植香蕉的面积达3万零684公顷，产量达34万5850公吨，但是在2007年曾经受到细菌的侵害，导致我国的香蕉农作业丧失65%的产量。

另一方面，罗纳建迪也表示，虽然最近爆发不少冠病感染群，尤其在一些食品工厂，但政府实施两次的行管令丝毫不影响国内的食物供应，目前该部也未接获任何有关食品工厂欠缺人手的投报。

出席今早推介仪式者尚有 大马农业研究与发展局主席拿督莫哈末罗夫，部门副秘书长拿督哈斯丽娜。

Masa depan kilang keropok kelam

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamika.com.my

PASIR PUTEH: Masa depan puluan kilang keropok dan perusahaan ikan kering kecil-kecilan di sekitar Pantai Semarak, di sini, 'kelam' ekoran masalah demi masalah menimpa mereka sejak pandemik Covid-19 menular di Malaysia.

Terbaharu, perusahaan hiliran yang menjadi punca rezeki kepada 1,500 penduduk berdepan masalah bekalan ikan yang serius, ekoran industri perikanan di negeri ini yang hampir lumpuh gara-gara bot laut dalam tidak beroperasi.

Difahamkan, terdapat hampir 100 kilang keropok di situ dan kira-kira 40 daripadanya terpaksa 'berehat' sementara waktu berikutan tidak mampu menyerap kenaikan kos ikan yang merupakan bahan mentah utama produk masing-masing.

Pengusaha keropok, Abdullah Mamat, 56, berkata, sebelum ini sumber ikan segar diperolehnya dalam kuantiti 300 kilogram hingga 1,500 kilogram setiap hari dari Jeti Tok Bali, Jeti Pangkalan Petah dan Jeti Kuala Besut.

"Sekarang, Jeti Kuala Besut yang paling dekat dengan sem-



KILANG keropok di Pasir Puteh menunggu waktu untuk gulung tikar kesan ketiadaan bekalan ikan. - UTUSAN/TOREK SULONG

padan Pasir Puteh juga gagal membekalkan ikan kerana hanya tiga bot laut dalam beroperasi di sana.

"Kami amat terkesan bagaikan menunggu waktu untuk gulung tikar. Permintaan pemborong dan peniaga keropok dari luar Kelantan gagal dipenuhi.

Mahu tak mahu, tempahan terpaksa ditolak buat seketika," katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

Seorang lagi pengusaha keropok, Mat Hassan Mat Ali, 60, berkata, usaha menghasilkan keropok tidak lagi menguntungkan kerana berdepan kos tamba-

han apabila terpaksa mengimport bekalan ikan dari Thailand.

"Harga borong ikan selangang dan tamban yang dahulunya hanya RM2.50, kini mencecah sehingga RM4 sekilogram. Jadi harga keropok terpaksa dinaikkan daripada RM10 sekilogram kepada RM13 hingga RM15 sekilogram.

ogram.

"Saya mungkin hanya mampu bertahan untuk sebulan dua lagi sebelum terpaksa mengalah dan memberbentangkan lapan pekerja. Semua kilang keropok menghadapi masalah sebegini," katanya.

Nasib sama turut menimpa lebih 10 pengusaha ikan kering yang kini hanya menjemur acak kosong berbanding dulu yang dipenuhi lambakan lebih 3,000 kilogram ikan setiap hari.

Salah seorang pengusaha di Pantai Pachakan, Aminah Jusuh, 65, berkata, bekalan ikan untuk memproses ikan kering hanya bergantung kepada hasil tangkapan sampan di pesisir pantai berdekatan.

"Itu sahaja pilihan yang ada selepas bekalan ikan tamban, ikan butir mangka, gelama dan seliat yang sebelum ini diperoleh daripada bot pukut jerut yang sudah lama tiada," katanya.

Menurutnya, sebelum ini bekalan ikan untuk setiap pengusaha ikan kering di situ adalah sekitar 400 kilogram sehari.

"Sekarang sudahlah sukar dapat bekalan, kalau ada pun harganya mahal berkali-kali ganda. Saya terpaksa tolak tempahan pemborong dari luar Kelantan," keluhnya.

Nelayan tuntutan kerajaan tangguh PLKS

KUALA TERENGGANU: Masa depan pengusaha bot nelayan komersial bumiputera di seluruh negara gelap jika kerajaan tidak bertimbang rasa dalam soal Permit Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing.

Kos perbelanjaan PLKS termasuk tambang dan bayaran kuarantin yang tinggi mencecah hampir RM6,000 untuk seorang nelayan asing hanya menjerut leher pengusaha terutama dalam situasi mereka sudah kerugian besar kerana tidak beroperasi hampir setahun akibat Covid-19.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu (Penentu), Mat Yassin Mohamed berkata, jika ke-kangan PLKS berlarutan, rata-rata pengusaha bumiputera bukan sahaja terpaksa gulung tikar, malah terus terpinggir dalam industri perikanan komersial negara.

Sehubungan itu beliau menuntut keprihatinan kerajaan untuk menangguhkan seketika pelaksanaan permit untuk menggaji pekerja asing itu yang berkuat kuasa awal tahun ini sekurang-kurangnya sehingga



BOT kelas C yang tersadai di Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pulau Kambang di Kuala Terengganu kerana ketiadaan awak-awak warga asing. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

keadaan wabak pulih berikutan 'darurat' kesukaran untuk mendapatkan pekerja.

"Bebanan nelayan komersial amat besar, kos PLKS sahaja sudah mencecah hampir RM200,000 untuk mendapatkan 50 awak-awak warga Thailand, tidak termasuk perbelanjaan ke laut seperti minyak,

peralatan dan lain-lain lagi sedangkan belum tentu mereka boleh mendapatkan hasil tangkapan yang banyak kerana faktor cuaca atau risiko kerosakan.

"Kerajaan tahu masalah yang dihadapi nelayan, tetapi saya pelik adakah dalam keadaan ekonomi yang merudum akibat Covid-19 ini PLKS merupakan

cara yang tepat untuk kerajaan menjana pendapatan" katanya kepada Utusan Malaysia di sini semalam.

Akhbar ini semalam melaporkan industri perikanan laut dalam di Kelantan lumpuh dengan pengusaha menanggung kerugian lebih RM100 juta sejak enam bulan lalu akibat kega-

galan 5,500 awak-awak warga Thailand dan Vietnam kembali semula ke negara ini di samping caj permit yang membebankan.

Pengerusi Kelab Pengusaha Bot Laut Dalam Kelantan, Hazim Ramli berkata, keadaan itu menyebabkan bot-bot tersadai tidak dapat turun ke laut kerana pengusaha tidak mempunyai pekerja untuk beroperasi.

Sementara itu, menurut Mat Yassin, penangguhan PLKS bakal memberi kelegaan kepada pengusaha kerana sekurang-kurangnya mereka dapat kembali bernafas.

"Jika kita tidak mempertahankan nelayan komersial, apa akan jadi kepada nasib orang kita? Adakah kita hanya mahu menjadi nelayan tradisional sampai bila-bila," katanya.

Bilangan nelayan tempatan pelbagai kategori di Terengganu ketika ini adalah seramai 6,340 dengan 332 daripadanya merupakan Zon C dan 27 orang (Zon C2) manakala nelayan Thailand pula 1,527 orang dan warganegara lain (682 orang).